



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

WANITA BANGKIT@KPWKM ZON UTARA TAWAR HAMPIR 5,000 PELUANG PEKERJAAN DAN KEUSAHAWANAN

ALOR STAR, 23 Julai – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini telah merasmikan Program Jerayawara dan Karnival Wanita Bangkit@KPWKM Zon Utara. Tujuan utama program ini adalah untuk memberi peluang pekerjaan dan penjanaan pendapatan (keusahawanan) kepada wanita. 349 kekosongan jawatan ditawarkan bagi kategori eksekutif dan 3,352 kekosongan jawatan bagi kategori bukan eksekutif menjadikan jumlah keseluruhan 3,701 kekosongan jawatan ditawarkan oleh 23 majikan di bawah PERKESO.

Pelaksanaan Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM ini merupakan kesinambungan daripada program sedia ada dan telah dilaksanakan sejak tahun 2021 dalam membantu wanita terutamanya golongan suri rumah, B40, M40 dan wanita yang menjadi Ketua Isi Rumah untuk membantu keluarga meningkatkan taraf ekonomi. Bagi menjayakan inisiatif ini pelbagai pihak telah berkolaborasi dan mewujudkan sinergi termasuk agensi Kerajaan, pihak industri dan swasta yang ingin turut sama membantu wanita.

Pelaksanaan inisiatif kali ini lebih berskala besar bermula dengan Zon Utara diikuti Pantai Timur, Tengah, Sabah dan Sarawak. Program ini terbukti berkesan apabila dari April 2021 sehingga kini, seramai 10,735 peserta telah dihubungkan

kepada peluang pekerjaan dan perniagaan. Manakala, 34,225 peserta menerima manfaat pengukuhan ilmu pengetahuan melalui aktiviti-aktiviti di bawah Model 4K yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Wanita menjadikan jumlah keseluruhan peserta di bawah Wanita Bangkit@KPWKM adalah 44,960.

“Agenda Pemerkasaan Ekonomi Wanita menjadi fokus dan tumpuan saya sebelum dan selepas COVID-19. Program Wanita Bangkit menjadi perintis segala-galanya. Inilah yang menjadi misi dan visi saya ketika ini di Kementerian. Saya sedang mengambil pelbagai inisiatif untuk memperluaskan lagi program Wanita Bangkit ini yang menjurus kepada memperkasakan ekonomi wanita seperti program kita hari ini” ujar beliau semasa merasmikan Jerayawara dan Karnival Wanita Bangkit@KPWKM di Aman Central yang bermula sejak 22 Julai dan bakal berakhir pada 24 Julai 2022.

Beliau berharap orang ramai tidak melepaskan peluang untuk datang beramai-ramai merebut peluang pekerjaan yang ditawarkan sepanjang karnival ini berlangsung dalam menyambut usaha Kerajaan demi mencapai 59 peratus peningkatan penyertaan wanita dalam pasaran kerja sebagaimana yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri.

Disediakan oleh:
UKK Jabatan Pembangunan Wanita
Aras 25, No. 55, Persiaran
Perdana, Presint 4, 62100
Putrajaya. 03-8323 1630